

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (NEGERI)

TARIKH: 13 JANUARI 2020

MUKA SURAT: 29

SINAR HARIAN • ISHIN 13 JANUARI 2020

Sinar NEGERI

MPSJ sedia 16 pusat kitar semula

Usaha tangani isu peningkatan jumlah sampah

Oleh MUHAMMAD AMINNURALIFF MOHD ZOKI

SUBANG

Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) menyediakan 16 pusat kitar semula dan enam kabin kitar semula bagi membolehkan pengasingan sisa dilakukan dengan lebih menyeluruh.

Selain itu, MPSJ bekerjasama dengan Syarikat Tetra Pak & KPT menyediakan 15 kabin (pusat kutipan) sebagai tambahan yang akan ditempatkan di lokasi awam.

Yang Dipertua MPSJ, Noraini Roslan berkata, lebih menarik lagi apabila kabin berkenaan dihasilkan daripada kotak minuman yang dikitar semula.

"PBT memerlukan strategi yang lebih berkesan dan sentiasa menyokong penyediaan pusat kitar semula bagi menangani isu peningkatan jumlah sampah.

"Tahun lalu kita melupuskan sebanyak 648 tan sampah dengan anggaran 1.9 kilogram sampah dihasilkan bagi setiap rumah," katanya selepas merasmikan Majlis Penempatan Pusat Kutipan Tetra Pak & KPT serta Perasmian Perpustakaan



Noraini (Idri) ketika merasmikan Majlis Penempatan Pusat Kutipan Tetra Pak & KPT serta Perasmian Perpustakaan Mini Sri Mutiara MPSJ 2020 di Pangsapuri Sri Mutiara semalam.



Penempatan pusat kutipan ini dilaksanakan bagi menggalakkan orang ramai menyertai program kitar semula barangan buangan secara maksimum.

Mini Sri Mutiara MPSJ 2020 di sini semalam.

Beliau berkata, isu alam sekitar termasuk pengurusan sampah yang sentiasa diketengahkan media menjadi aspirasi MPSJ melancarkan penempatan Pusat Kutipan Tetra Pak.

"Pusat kitar semula ini di-

harap dapat menangani isu pembuangan sampah secara haram selain membolehkan mereka melaksanakan kitar semula.

"Bagi program ini, sebanyak 108 unit kotak kitar semula badan bukan kerajaan (NGO) telah ditempatkan di lokasi awam," katanya.